

PENDIDIKAN, AGAMA DAN NILAI: SATU PENEGASAN SEMULA.

RASID MUHAMAD

Unit Pendidikan dan Tamadun Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
26400 Bandar Jengka, Pahang.
MALAYSIA

ABSTRAK

Kertas kerja ini menegaskan semula tentang perkara yang mendasar dalam bidang pendidikan, khususnya mengenai konsep pendidikan, dan kaitannya dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) seperti Universiti Teknologi Mara. Kertas ini juga cuba menggabungkan antara pendidikan dengan unsur agama dan nilai. Dengan itu, akan menyerlahkan nantinya hakikat sebenar pendidikan serta peranan yang sewajarnya dimainkan oleh golongan pensyarah sebagai seorang pendidik.

Katakunci: Pendidikan, Agama, Nilai.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu bidang yang dinamik, menarik dan mencabar. Ianya juga merupakan satu wadah yang amat penting dan berpengaruh dalam proses pembentukan individu dalam sesebuah negara. Berkualiti atau tidaknya warga dalam sesebuah negara amat ditentukan oleh kualiti pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan, di samping tidak dinafikan juga pengaruh dari angkubah-angkubah yang lain. Pastinya ia amat berkait dengan persoalan-persoalan pendidikan serta kaitannya dengan agama dan nilai. Dengan itu, pendidikan yang dilaksanakan akan mampu melahirkan insan dalam ertikata yang sebenar.

BEBERAPA REALITI BARU

Di zaman yang kian canggih kini, manusia terlalu terpucau dengan kemilau kecanggihan teknologi, terutama teknologi maklumat dalam pelbagai bentuk dan dimensinya. Manusia telah meletakkan "kecanggihan" itu ke martabat yang terlalu tinggi, sedangkan ianya tidak lebih dari "alat" dan bukannya matlamat. Oleh itu manusia menggunakan sepenuh upaya dan tenaga untuk mencapai "alat" dan telah semacam melupakan matlamat sebenar yang hendak dicapai.

Fenomena ini disifatkan oleh Siddiq Fadil (2003) sebagai kemabukan teknologi (*technology intoxication*) yang mengakibatkan penghakisan ciri dan nilai-nilai

kemanusiaan. Manusia rata-rata sedang mengalami proses 'dehumanisasi' yang akhirnya membawa kepada tragedi kehilangan jati diri, kehilangan fungsi dan kehilangan misi kemanusiaan. Satu transformasi kemanusiaan sedang berlaku, proses merubah manusia sama ada menjadi robot atau haiwan.

Rentetan dari fenomena di atas telah melanda dunia pendidikan seolah-olah melupakan atau dilupakan tentang persoalan-persoalan yang lebih mendasar seperti apakah makna pendidikan, falsafah serta nilai yang ingin didokong dan menjadi matlamatnya.

Persoalan-persoalan tersebut sering kali dianggap terlalu falsafah dan teoritikal, "tidak ada nilai pasaran", tidak bersifat "gunaan" dan seribu alasan lain yang boleh dihujah lagi. Persoalan-persoalan tersebut telah dianggap "pinggiran", dan bukan bersifat dasar atau utama. Jikalau adapun, kedudukannya laksana melukat di tepi gantang; adanya tidak menambah, ketiadaannya tidak mengurangkan dan tidak lebih dari itu.

Kesan dari fenomena tersebut, manusia kini semacam kehilangan nilai-nilai kemanusiaannya. Hal ini kerana yang dibentuknya bukan manusia atau keinsanannya, tetapi perkara lain atau cebusan kecil dari keinsanan itu sahaja. Kehidupan manusia kini telah dilingkari kemelut kemanusiaan dan ketamadunan yang dahsyat, yang menyangkut persoalan individu dengan dirinya, individu dengan orang lain, individu dengan alam dan persekitarannya. Dan yang paling parah ialah persoalan individu dengan Penciptanya.

PENDIDIKAN: MAKNA MATLAMAT DAN FALSAFAH

Untuk menjawab persoalan yang mendasar yang berkaitan dengan pendidikan, ianya perlu dibincangkan secara tuntas mengenai makna pendidikan, matlamat serta falsafah yang mendokong sesuatu sistem pendidikan itu.

Dalam tradisi Islam, terdapat sekurang-kurangnya dua istilah yang sering digunakan dalam memperihalkan pendidikan, iaitu istilah *tarbiyah* dan *ta'dib*. Prof Syed Muhamad Naquib al Attas (1987) lebih kecenderungan menggunakan istilah *ta'dib* berbanding istilah *tarbiyah*. Hal ini kerana *ta'dib* itu sarat dengan proses "membina peradaban" yang khusus untuk manusia. Sedangkan istilah *tarbiyah* lebih kepada sifat membina "kemahiran", yang tidak hanya dikhususkan kepada manusia, tetapi juga makhluk lain.

Yang tersiratnya, pendidikan itu bukan hanya memberikan kemahiran, tetapi lebih kepada proses pembinaan insan, atau membina peradaban manusia. Dalam kata-kata yang lain pendidikan itu ialah "*proses memanusiaikan manusia seutuh dan setulennya*" dalam ertikata sebenarnya.

Pendidikan sebenarnya mempunyai matlamat tertentu yang suci dan mulia. Dalam tradisi Islam, matlamat pendidikan itu tentunya tidak lari dari matlamat Islam itu sendiri. Menurut Naquib (2001), matlamat pendidikan itu berkait pula dengan matlamat menuntut ilmu dalam Islam, iaitu bagi “mengeluar, mangasuh, dan memupuk manusia dengan sempurna (insan kamil)”.

Menurut Khurshid Ahmad (1974 :16), matlamat pendidikan dalam Islam meliputi perkara-perkara asas Islam yang antara lainnya:

“untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan agama dan ideologi mereka. Mereka harus diajar sara dan tujuan hidup, kedudukan manusia di dunia ini, ajaran-ajaran tauhid (keesaan Allah), risalah (kenabian), akhirat (kehidupan di hari kemudian) dan hubungannya dengan kehidupan individu dan masyarakat, nilai-nilai akhlak dalam Islam, serta sifat dan isi kebudayaan Islam dan kewajipan serta tugas seorang Muslim”

Selanjutnya, beliau menegaskan lagi bahawa matlamat pendidikan dalam Islam serta peranannya ialah:

“pendidikan harus mengeluarkan manusia-manusia yang mempunyai keyakinan yang kukuh terhadap idealisma-idealisma Islam dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia harus membentuk dalam diri mereka satu “pendekatan Islamiyah” supaya mereka dapat mengukir jalan hidup mereka di bawah cahaya bimbingan dan petunjuk Islam”

Dalam konteks Abad ke-21, Pof. Hassan Langgulung (1991), telah mengusulkan beberapa ciri pendidikan yang membayangkan matlamat pendidikan menurut pandangan Islam, khususnya dalam menghadapi alaf baru. Perkara-perkara yang perlu diberikan penekanan termasuklah:

- Generasi muda haruslah dididik menyembah Allah, ikut perintahNya, melaksanakan fardhu-fardhu ibadat dan berpegang teguh terhadap tuntutanNya sepanjang hidup.
- Generasi muda harus dididik dalam masyarakat yang sihat, yang memperakui prinsip persaudaraan, kerjasama, persamaan, partisipasi yang teguh di atas hak dan kewajipan dalam rangka sistem jaminan sosial (takaful ijtimai) yang diakui oleh Islam.
- Generasi muda harus dididik menggunakan akal, sebab akal merupakan unsur utama berakidah. Penggunaan akal adalah dasar pokok bagi perintah menjalankan syariat, memikul amanah, sebab perintah menjalankan ibadat adalah berdasarkan kebebasan dan ikhtiar dengan petunjuk akal dan hati nurani.

- Generasi baru harus dididik bersikap tabah terhadap orang lain dan menjauhi sikap menyendiri dan tanpa berlebihan menonjolkan diri, sebab tamadun Islam teguh di atas dialog yang membina dan prinsip memberi dan mengambil. Dengan itu, ia dapat menghadamkan pencapaian sains yang mekar pada tamadun-tamadun yang lain, malah menambah dan memperkayakannya sehingga ia mengeluarkan tamadun gemilang dan cemerlang dalam segala bidang ilmu dan pengetahuan.
- Generasi baru harus dididik menggunakan pemikiran ilmiah dan penyelidikan-penyelidikan. Islam adalah agama yang terbuka dalam hal ini, tidak tertutup dan tidak memusuhi ilmu dari mana sumbernya.

Nyatalah pendidikan, khususnya menurut tradisi Islam mempunyai matlamat yang tersendiri, yang berkait langsung dengan pembinaan insan dan kemanusiaannya dalam erti kata yang sebenarnya.

FALSAFAH PENDIDIKAN

Lebih luas dari matlamat pendidikan, yang antara lainnya dinyatakan di atas, pendidikan juga mempunyai falsafah yang tersendiri. Falsafah ini merupakan halatuju umum yang mendasari seluruh kegiatan pendidikan. Dalam konteks Negara Malaysia, falsafah pendidikannya disuratkan melalui Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berbunyi:

“Pendidikan merupakan satu usaha yang berteruan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”

Dalam konteks UiTM yang lebih khusus, ianya juga mempunyai falsafah yang tersendiri yang juga bertunjangkan serta bernafaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Falsafah UiTM itu, diungkapkan secara tersuratnya sebagai berikut:

“Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun secara terbuka serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam, boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan Negara”.

Berdasarkan falafah tersebut, UiTM telah mengemukakan misinya yang tersendiri. Misi tersebut berbunyi:

“Membangun generasi Bumiputera supaya menjadi professional, berilmu, berinovasi, berdaya saing, bertaqwa dan mampu menerajui pembangunan”.

Dengan pendefinisian terhadap konsep pendidikan, dan kaitannya dengan matlamat serta falsafah pendidikan, akan dijelaskan pula gabungjalın antara perkara tersebut dengan persoalan agama dan nilai.

AGAMA DAN PENDIDIKAN.

Pendidikan, khususnya menurut perspektif Islam, tentunya mempunyai kaitan langsung dengan Islam itu sendiri. Tanpa agama pastilah pendidikan itu akan menjadi hambar kerana ketiadaan kekuatan dalamannya, apatah lagi bagi institusi pendidikan tinggi seperti UiTM ini yang bermottokan “Usaha Taqwa Mulia”. Sesungguhnya kepentingan agama dalam pendidikan telah lama disedari dan ditegaskan oleh pemikir awalan Melayu. Misalnya, pendeta Za’ba (1989), dalam tulisannya telah menyatakan:

“Pengajaran agama itu sangat-sangatlah mustahak adanya bagi memimpin bangsa manusia menjalani kehidupan betul di dunia ini. Kerana agamalah panduan yang berasal dari Tuhan sendiri bagi segala ehwal dan pekerjaan hidup yang bersangkutan dengan urusan baik dan jahat, betul dan tidak betul, dan agamalah sebaik-baik suluhan untuk menerangi jalan kepada orang-orang dalam gelap....”(Za’ba, 1989: 32-33).

Nyatalah agama mempunyai peranan yang cukup penting dalam kaitannya untuk menyempurnakan tuntutan dan makna pendidikan. Dengan itu, ilmu dan proses pendidikan yang dilakanakan akan dibimbing dengan suluhan agama yang benar, yang akhirnya mampu menerangi diri, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

PERSOALAN NILAI DALAM PENDIDIKAN.

Selain dari persoalan agama secara khusus, pendidikan juga amat sarat serta berkait dengan persoalan nilai. Dalam konteks falsafah pendidikan, seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN), persoalan nilai murni ini mendapat tempat yang cukup penting dan istimewa. Terdapat sejumlah enam belas nilai utama yang ingin diterapkan di dalam sistem pendidikan di Malaysia, yang seharusnya juga meliputi Institusi Pengajian Tinggi

Nilai-nilai tersebut termasuklah, baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermesyuarat. (Kementerian Pendidikan,1990 :24).

Nilai-nilai murni yang dinyatakan di atas telah digubal untuk dilaksanakan bagi mencapai objektif tertentu, iaitu:

- Menanam kesedaran , kefahaman, keyakinan dan kesyukuran.
- Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci
- Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
- Membentuk sikap positif yang berguna kepada Agama, Bangsa dan Negara sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
- Menghapuskan sikap negative dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
- Menjalankan amanah dengan dedikasi
- Melatih diri dengan disiplin
- Meningkatkan hasil produktiviti.
- Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYARAH

Dalam sistem pendidikan, khususnya di Institui Pendidikan Tinggi (IPT) seperti UiTM, peranan pensyarah cukup penting. Dalam hal ini, pandangan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), sebagaimana yng dinukilkan oleh Zaini Ujang (1993:41) dirasakan cukup relevan dan tepat sekali. Katanya:

“Universiti bukan hanya bangunannya, bukan hanya kenyataan zahirnya. Sesungguhnya dalam sejarah universiti mana pun, pengajar-pengajar, guru-guru dan yang belajar daripadanya merupakan unsur utama kewujudan universiti. Jadi cemerlang atau tidaknya universiti itu bergantung pada ilmu pengetahuan dan pengenalan yang ada pada diri guru-gurunya masing-masing. Sekiranya ilmu yang ada pada diri guru itu tidak betul-betul matang serta mendalam, maka tentu sahaja taraf universiti itu tidak akan cemerlang”

Di samping itu, pensyarah yang sekaligus sebagai ilmunan juga seharusnya berperanan sebagai jurubicara masyarakatnya, sebagaimana yang digambarkannya oleh Soedjatmoko (1984) apabila beliau menyifatkan sarjana atau ilmunan tulen itu sebagai:

“mereka yang terdera perasaannya melihat realiti masyarakatnya. Beliau juga adalah pendorong kesedaran dan keinsafan, pencetus pemikiran-pemikiran dan arah baru serta

membawa perubahan untuk mengangkat martabat bangsa dan tanah airnya”

Para ilmuwan juga berperan dalam membangunkan masyarakatnya, sebagaimana yang diungkapkan oleh ilmuwan Ali Shariati (1984:14), yang antara lainnya menyatakan para ilmuwan itu ialah:

“Kelompok yang berasa terpancang untuk memperbaiki masyarakatnya, menangkap aspirasi mereka, merumus dalam bahasa yang dapat difahami oleh setiap mereka, menawarkan strategi dan alternatif pemecahan masalah”.

Nyatalah peranan yang terpancang di pundak golongan ilmuwan dalam konteks perbincangan ini iaitu pensyarah cukup berat dan besar iaitu sebagai pendidik pelajar dan masyarakat. Ianya merupakan pengukur generasi bangsa dan pembina umat dan masyarakat secara keseluruhannya.

CITRA DAN WATAK PENSYARAH.

Sesungguhnya profesyen sebagai pensyarah yang sekaligus sebagai seorang pendidik merupakan satu bidang yang mulia dan terpuji. Imam al-Ghazali dalam karyanya *Ihya Ulumuddin* (1984), telah mengungkapkan sesuatu yang cukup tepat tentang profesyen ini. Katanya:

“seseorang yang berilmu, dan kemudiannya bekerja dengan ilmunya itu ibarat minyak kasturi, yang baunya dinikmati oleh orang lain dan ia sendiri pun harum. Sesiapa yang bekerja di bidang pendidikan, maka sesungguhnya ia telah memilih pekerjaan yang terhormat dan sangat penting. Maka ia hendaklah memelihara adab, sopan santun dalam tuganya”

Untuk berkesan sebagai pendidik, beberapa panduan telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali, yang boleh diaplikasikan oleh pensyarah dalam pelaksanaan tugasnya. Dengan itu, dirinya akan dihiasi dengan watak yang baik dan dapat melayari hidupnya sebagai pendidik yang berkesan. Di antara sifat tersebut termasuklah:

- Hendaklah ia bersifat sebagai pengajar dan pendidik kepada muridnya. Untuk lebih berkesan dalam tugasnya ia perlu bersifat lemah lembut dan kasih sayang terhadap muridnya, agar murid mempercayai dan menyukainya. Ia juga perlu bersikap seperti bapa yang pengasih, dan menunjukkan jalan yang benar. Untuk itu, ia perlu ikhlas dalam melaksanakan tugasnya.
- Hendaklah ia menjadi seorang pengkaji sejarah, terutama sejarah pendidikan. Dengan mengkaji sejarah yang berkaitan dengan tugasnya ia akan lebih jelas

tentang tugas dan peranannya. Sejarah mencatatkan golongan pendidik bukanlah golongan yang mendapat kesenangan dengan ilmunya.

- Pendidik hendaklah berperanan sebagai pembimbing kehidupan beragama pelajarannya. Oleh itu, perlulah ia menjadi seorang yang berjalan di landasan yang benar, yang mengetahui tahap kepayahan apa yang diajar dan tahap kemampuan yang dimiliki oleh murid. Ia hendaklah sentiasa memperingatkan murid, yang belajar itu satu kewajipan dan untuk mendekatkan diri dengan Allah, bukan untuk mengejar kedudukan dan penghormatan.
- Pendidik hendaklah berperanan sebagai pendisiplin murid dengan pendekatan yang betul. Hukuman dan ketegasan perlu dijalankan dengan pendekatan kasih sayang bukan celaan. Dalam beberapa hal, pendekatan kiasan perlu juga dilakukan. Dengan cara itu, murid akan menerima teguran, hukuman dan tindakan yang dikenakan dapat diterima oleh murid yang terlibat. Murid juga akan mudah faham tentang tujuan tindakan tersebut dikenakan ke atas mereka.
- Pendidik juga harus berperanan sebagai model dan contoh yang baik kepada murid. Untuk tujuan itu, ia harus menghias diri dengan akhlak yang mulia, menghormati orang lain, dan menunjukkan yang ia merupakan orang yang mencintai ilmu, maka dengan itu, murid akan meneladani pendidik yang sedemikian.
- Pendidik harus memahami psikologi, terutama tentang perbezaan-perbezaan antara individu murid tersebut. Dengan cara itu, pendekatan yang sesuai dapat dilakukan sejajar dengan kemampuan dan tahap kefahaman murid terhadap sesuatu yang diajar. Dengan itu, pengajaran yang dilakukan akan lebih berkesan.
- Pendidik seharusnya menjadi individu yang mengenali peribadi muridnya. Dengan cara itu, barulah ia akan mengetahui masalah yang sebenar yang dihadapi oleh muridnya. Kemampuan ini akan mempengaruhi pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik tersebut.
- Pendidik yang baik perlu menghayati apa yang diajarkannya, mengamalkan apa-apa yang mulia yang ingin diterapkan kepada muridnya. Dengan amalan sedemikian kewibawaan pendidik akan meningkat dan dihormati oleh muridnya. Sebab, pendidik itu laksana arca yang akan mempengaruhi bayangnya. Bagaimana mungkin bayang akan lurus, jikalau arcanya bengkok!.

Dalam bahasa yang lain, Abdul Halim El-Muhammady (1991), juga telah mengusulkan sejumlah sifat yang perlu dimiliki dan dihayati oleh pendidik, yang sesuai juga buat golongan ilmunan dan pensyarah. Di antara sifat tersebut termasuklah:

- Menghayati sifat zuhud, iaitu melaksanakan tugas mendidik untuk mencari keredaan Allah.
- Menjaga kebersihan diri dari sudut fizikal dan juga kejiwaan, terutama dari sifat-sifat tercela (mazmumah) seperti sifat angkuh, riya', hasad, pemaarah dan sifat keji yang lain.

- Bekerja dengan penuh keikhlasan , jujur dan tekun.
- Mempunyai sifat-sifat lemah lembut dan sopan santun. Di samping dapat menguasai diri dalam melayani kerendah murid.
- Sentiasa menjaga kehebatan dan kehormatan diri. Ia sentiasa menjaga tindak tanduk dari perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan martabatnya.
- Bertindak sebagai bapa dalam menghadapi setiap muridnya. Ia perlu berlaku adil dan bertimbang rasa terhadap semua muridnya.
- Sentiasa berusaha untuk mengenali dan memahami tabiat dan sifat muridnya. Dengan cara itu, pengajaran akan dapat dilaksanaksakan dengan tepat dan berkesan.
- Pendidik perlu berkemampuan dan berilmu. Dengan cara itu, ia tidak akan ketinggalan dan mempunyai kemahiran yang sesuai dan terkini.

CABARAN DAN HAMBATAN

Untuk berperanan sebagai pendidik tulen, dan membentuk generasi yang dihasratkan oleh falsafah pendidikan yang unggul, serta generasi terpelajar yang terdidik dan berkualiti dalam erti kata yang sebenarnya, ianya berhadapan dengan pelbagai cabaran dan hambatan.. Dalam hal ini, pandangan Prof. Dr. Muhammad Kamal Hassan (1988), dirasakan ada kewajarannya, apabila beliau menghuraikan faktor-faktor yang menyumbang ke arah morosotnya akhlak dan nilai dalam bidang pendidikan. Di antara sebab tersebut termasuklah:

- Ibu bapa dan keluarga yang tidak mementingkan akhlak kerana terpengaruh dengan kehidupan kebendaan.
- Tidak ramai pemimpin atau negarawan yang boleh dijadikan contoh teladan akhlak yang mulia.
- Dasar pembangunan yang masih bersifat dualistik yang tidak menekankan kesepaduan pembangunan manusia. Ini menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak dijiwai oleh akhlak mulia.
- Amalan ekonomi pasaran bebas yang menekankan pertumbuhan serta asas yang terlalu memihak kepada modal dan golongan berada. Dan ini mempengaruhi sikap serta perlakuan golongan terpelajar yang sebahagian besarnya mementingkan kelulusan akademik dan mengurangkan nilai-nilai akhlak yang mulia.
- Wujud tekanan dari golongan pemimpin di sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi supaya nilai-nilai agama dan akhlak terus terpisah daripada pendidikan professional, sehingga dasar “penerapan nilai-nilai Islam” tidak mendapat sambutan ikhlas. Di sesetengah institusi , ianya berbentuk “lip-service” sahaja.
- Dasar pendidikan yang berorientasikan kecemerlangan akademik semata-mata yang beroperasi di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi telah melemahkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.

- Sikap guru atau pensyarah yang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan kepentingan kebendaan dan persaingan keduniaan sehingga melemahkan peranan mereka sebagai pendidik sejati.
- Persekitaran yang mendorong kehidupan yang tidak menekankan akhlak mulia tetapi menunjukkan bahawa kejayaan dan kesenangan hidup banyak bergantung kepada faktor-faktor wang, pengaruh, status, kedudukan dalam parti, perlindungan politik, hubungan dengan golongan atasan, dan pragmatisma.
- Peranan budaya liberal dan media massa, cetak dan elektronik yang menonjolkan nilai-nilai kehidupan kebendaan, keseronokan hawa nafsu dan kebebasan individu yang melampaui batas kesusilaan.

Sesungguhnya, bukan mudah untuk berperanan sebagai pendidik tulen dan menghayati faalsafah pendidikan ideal. Ianya bukan hanya memerlukan kefahaman, tetapi juga kemahiran serta keiltizaman yang kukuh ke arah yang sedemikian.

BEBERAPA SARANAN

Untuk berperanan sebagai pendidik tulen, pensyarah perlulah memiliki sejumlah sifat unggul yang antara lainnya telah dibincangkan di atas. Untuk tujuan itu juga, pandangan Dr Tajul Ariffin Nordin dan Dr Nor Aini bt Dan (1992) dirasakan ada kesesuaian dan kemunasabahannya. Di antara cadangan mereka termasuklah:

- Memahami dengan secukupnya falsafah pendidikan, hasrat yang dikandungnya dan matlamat yang ditujui. Kefahaman mestilah diiringi dengan kesedaran, keinsafan, amalan dan penghayatan. Pendidik harus menyokong penuh paksi pendidikan iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
- Menghayati konsep bersepadu yang meletakkan ilmu dan amal dalam satu kesatuan yang kukuh dan mengimbangi kepentingan rohani, akal dan jasmani. Pendidik mestilah mencerminkan keselarasan, keseimbangan, keserasian dan keharmonian faktor-faktor tersebut .
- Pendidik hendaklah menjadi pencinta ilmu, yang sentiasa hauskan ilmu pengetahuan dan oleh itu sentiasa berterusan belajar. Pensyarah merupakan gedung ilmu bagi pelajar. Ia juga sentiasa menekankan bahawa pendidikan merupakan proses berterusan sepanjang hayat.
- Pendidik seharusnya mempunyai kemahiran mengajar, termasuklah kemampuannya menghubungkan pengetahuan dengan kemahiran. Ia perlu melaksanakan pengajarannya secara sepadu dengan memelihara keseimbangan di antara pengetahuan dengan amalan, dan antara ucap dengan laku. Ia sewajarnya mampu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar yang mempunyai berbagai-bagai kebolehan dan membangun budaya pelajar.

- Pendidik perlu menjadi model yang amat dikagumi oleh murid, selain dari ibu bapa. Oleh itu, wajib bagi pendidik untuk menjadi teladan yang baik kepada muridnya. Ini dimanifestasikan dengan budi bahasa, penguasaan bahasa yang betul, kehalusan dan kesempurnaan kerja, rupa diri dan kesesuaian pakaian, amanah tentang hal-hal rahsia dengan pelajar, rajin dan cekap.
- Mempunyai ciri-ciri pendidik atau pensyarah yang positif, kreatif dan inovatif.

KE ARAH PENGHAYATAN

Menjadi pensyarah yang bersifat pendidik yang mendokong falsafah pendidikan yang utuh bersendikan agama dan nilai murni memerlukan beberapa tindakan yang bersungguh-sungguh dan berani. Di antara perkara yang difikirkan perlu termasuklah:

- Memahami falsafah pendidikan dengan mantap, dan meyakini pendidikan merupakan satu bidang yang mulia dan mempunyai pengaruh yang penting dalam pembinaan masyarakat dan negara. Ianya akan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah jikalau dilaksanakan dengan beradab dan penuh keikhlasan.
- Aspek agama merupakan satu bidang yang tidak boleh diremehkan, terutama dalam rangka melahirkan generasi yang berkualiti terutama dalam menghadapi cabaran dan tuntutan zaman yang kian besar dan getir.
- Aspek nilai hendaklah dimasukkan ke dalam kurikulum agar nilai-nilai positif dapat disuburkan, disamping mengenalpasti elemen-elemen negatif dan menghindarinya.
- Nilai-nilai positif tersebut hendaklah benar-benar dihayati agar dengan itu menjadikannya mudah diterima oleh warga kampus terutama di kalangan pelajar.
- Budaya ilmu hendaklah benar-benar dibudayakan, dan pembudayaan itu perlulah berpaksikan faham tauhid dan falsafah yang betul.
- “Pengislaman Ilmu” hendaklah difahami dan dilakukan, agar dengan itu akan memudahkan penerapan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- Budaya dan adab-adab Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah dihidupkan dan disuburkan, seperti memulakan kuliah dengan *al-Fatihah* dan mengakhiri dengan surah *Al-Asr*, dengan menjelaskan kepentingan-kepentingannya.
- Untuk mengukuhkan proses yang dibincangkan di atas, program-program penghayatan keilmuan, khususnya perkaitan antara disiplin ilmu yang lain dengan disiplin ilmu keislaman hendaklah diperbanyakkan agar kefahaman dapat dibentuk dan dimantapkan.
- Penerapan nilai ini bukan sangat bergantung kepada “bahan” yang diajar, tetapi “siapa” yang mengajar. Jesteru itu, peningkatan kefahaman dan

penghayatan nilai-nilai murni kepada “siapa” yang mengajar amat mustahak dan mendesak sekali

- Pemupukan budaya positif berteraskan nilai dan agama perlu difahami dan dihayati oleh seluruh warga kampus, dan ianya merentas seluruh kegiatan formal atau tidak formal, kurikulum dan ko-kurikulum.

PENGAKHIRAN.

Apa yang diutarakan di atas bukanlah satu perkara baru, tetapi merupakan satu penegasan semula. Ianya dilakukan kerana ianya dirasakan semakin dilupakan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Namun yakinlah yang ianya suatu yang amat penting dan mustahak, terutama dalam menghadapi kemelut kemanusiaan yang kian parah kini. Oleh itu, tiada jalan lain kecuali kita perlu kembali kepada persoalan yang asas dan dasar. Dan persoalan itu antara lainnya telah dinyatakan di atas. Untuk akhirnya, elok kiranya kita renung kenyataan berikut:

“kita mungkin telah berjaya menghasilkan tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu tetapi kontang nilai dan akhlakunya. Lantaran itu, wujudlah apa yang dipanggil bajingan berpengetahuan (knowledgable barbarian) atau bajingan berkemahiran (skilled barbarian)”

(Wan Mohd Zahid Mohd Nordin,1991)

Dan tentunya kita tidak mahu mengeluarkan graduan jenis itu!

Wallahu a’lam

RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady,1991,*Pendidikan Islam : Falsafah,Disiplin dan Peranan Pendidik*,Petaling Jaya.
- Al –Ghazali,1984,*Ihya Ulumuddin*,Jilid 1,Pustaka Nasioanal Pte. Ltd. Singapura.
- Ali Shariati,1984,*Ideologi Kaum Intelektual –Satu Wawasan Islam*, Penerbit Mizan,Bandung
- Hassan Langgulung,1991,*Menangani Abad Kedua Puluh Satu*, Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- Khurshid Ahmad,1974,*Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*,ABIM ,Kuala Lumpur.

- Mohd Kamal Hassan,1988,*Pendidikan Dan Pembangunan.:Satu Pendekatan Bersepadu*,Nurin Enterprise,Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia,1990,*Falsafah Pendidikan Negara*,Dewan Bahasa Dan Pustaka,Kuala Lumpur.
- Rasid Muhamad,1992, 'Penghayatan Islam Dan Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran." dalam *Kursus Asas Pengajaran Bagi Pensyarah Baru ITM*,Anjuran USPP,Shah Alam,pada 18 Jun 1992.
- Rasid Bin Muhamad,1996,*Matra Tamadun Islam*,ABIM,Kuala Lumpur.
- Seodjatmoko,1983,*Dimensi Manusia Dalam Pembangunan*,Lembaga Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES),Jakarta.
- Siddiq Fadhil,1991,*Minda Melayu Baru*,Institut Kajian Dasar,Kuala Lumpur.
- Siddiq Fadhil,2003,*Perspektif Qur'ani :Satu Wacana Tematik*,ABIM,Kuala Lumpur.
- Syed Muhamad Naquib al- Attas,1987,*Konsep Pendidikan Dalam Islam*,Penerbitan Mizan, Bandung.
- Syed Muhamad Naquib al-Attas,2001,*Risalah Untuk Kaum Muslimin*,ITAC,Kuala Lumpur.
- Tajul Arifin Nordin dan Nor 'Aini bte Dan,1992,*Pendidikan Dan Wawasan 2020*,Arena Ilmu Sdn.Bhd.,Kuala Lumpur.
- Universiti Teknologi Mara(UiTM),2002,*Matlamat Dan Strategi Pengukuhan Akademik UiTM*,UiTM,Shah Alam.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin,1993,*Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian*,Nurin Enterprise,Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin,1991,"Ucaptive Arah Aliran Pendidikan" dalam *Seminar Pendidikan Tinggi Sains di Abad 21 :Reformasi dalam pendidikan*,Institut Aminuddin Baki,Sri Layang,10-13 Nov 1991.
- Za'ba,1989,*Mencapai Keluhuran Budi*,Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Zaini Ujang 1993,*Universiti :Mendukung Tradisi Intelektual*,Institut Kajian Dasar,Kuala Lumpur.